

SUKAN SEA/Sumbangan \$20,000 MSN

Pesaka atasi masalah latihan peserta

Harian (M) 23 APR 1987

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

PERUNTUKAN kira-kira \$20,000 oleh Majlis Sukan Negara (MSN) kepada Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengatasi masalah kewangan untuk melatih pesilat-pesilat kebangsaan ke Sukan SEA Jakarta dan Pesta Silat Antarabangsa Kuala Lumpur nanti. *PENCAK/SUKAN*

Kepercayaan MSN kepada Pesaka meluluskan peruntukan itu membandingkan bahawa pesilat negara dijangka dapat membawa lebih banyak pingat emas dan perak dari Jakarta September ini.

Bantuan ini adalah pertama kali diberikan oleh MSN memandangkan Pesaka satu pasukan baru yang disenarai dalam Sukan SEA kali ini, di samping kejayaan pesilat negara dalam beberapa kejohanan antarabangsa sebelum ini.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya akan membelanjakan dengan cara yang baik peruntukan MSN itu dalam latihan pusat yang bermula 10 Jun ini.

Seramai 30 pelatih termasuk pelatih wanita dipanggil menjalani latihan di bawah jurulatih, Annuar Wahab, Mohd Sani Murni dan Basiron Hamit.

Antara pelatih wanita yang dipanggil menjalani latihan, Wan Ani-

zan, Marina Mohd Noor, Tengku Azizah Tengku Abdullah, Yati dan Zunika. Mankala peserta lelaki, Mohammad Fauzi, Abdullah Muhammad, Azam Abdullah dan lain-lain.

Katanya, "Kami tidak mahu mempersiapkan harapan yang begitu tinggi terhadap persatuan ini untuk menggondol lebih banyak pingat."

Menurutnya, sebagai persatuan yang baru terbabit dalam Sukan SEA, tugas pesilat-pesilat negara adalah berat.

Beliau memberithau, pihaknya akan menyediakan alat keselamatan dalam latihan nanti bagi mengelakkan berlaku kecederaan.

"Kami bimbang kecederaan akan menimpa pelatih-pelatih negara dalam latihan nanti," ujarnya.

Sulaiman menambah, langkah-langkah keselamatan akan dititik beratkan agar peserta yang dipilih nanti benar-benar sihat dan cergas.

Menurutnya, alat keselamatan yang akan digunakan dalam latihan sama yang digunakan dalam pertandingan Taekwon-do.

Bellau menjelaskan, ketika pertandingan sebenar, peserta tidak dibenarkan memakai sebarang alat keselamatan.

"Bagi mengelakkan kecederaan ketika pertandingan sebenar, kecergasan dan ketangkasan mengelak serangan lawan adalah mustahak," ujarnya.

Mesyuarat
24 APR 1987
agung
Perpensis

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura (Perpensis) akan mengadakan mesyuarat agung yang ke-19 pada 9 malam ini di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.

Ahli-ahli Perpensis yang telah atau belum menerima surat undangan dipersilakan hadir.